

Banjir makin pulih

UM 3/12

JOHOR BAHARU 30 Dis. – Seorang remaja lelaki berusia 18 tahun dikhuatiri menjadi korban banjir seterusnya di negeri ini apabila dilaporkan dihanyutkan arus banjir malam tadi.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor berkata, Mohd Farizan Mohktar, dilaporkan hilang dalam banjir di Kampung Durian Chondong, Muar, kira-kira pukul 9 malam dan gerakan mencari mangsa di-sambung pagi ini.

Sementara itu katanya, banjir di negeri ini semakin pulih dengan seramai 58,876 mangsa berada di 194 pusat pemindahan pagi ini berbanding 60,166 orang malam tadi.

Katanya, seramai 29,577 mangsa berada di 80 pusat pemindahan di Batu Pahat sehingga pukul 6 pagi tadi.

Jumlah mangsa di Muar pula katanya adalah seramai 21,198 orang pagi ini dan keadaan air di Bukit Kepong, Panchor, Lenga dan Kundang Ulu tidak banyak berubah.

Banjir di negeri ini semakin pulih dengan seramai 58,876 mangsa berada di 194 pusat pemindahan pagi ini berbanding 60,166 orang malam tadi

– Mohd Farizan Mohktar

Beberapa batang jalan, Jalan Muar-Parit Sulong, Jalan Bukit Pasir-Pagoh, Jalan Muar-Segamat, Jalan Bukit Serampang-Kandong dan Jalan Pagoh-Panchor masih ditenggelami air antara 0.3 meter hingga 1 meter.

Jurucakap itu berkata seramai 2,661 mangsa masih berada di 13 pusat pemindahan di Kluang, Kota Tinggi (2,497), Johor Baharu (1,503), Segamat (1,234) dan Mersing (206).

Di Kuantan, jumlah mangsa banjir di tiga pusat pemindahan daerah Rompin kekal 195 orang pagi ini.

Jurucakap bilik gerakan Ibu Pejabat

Polis Kontinjen Pahang berkata, sehingga 9 pagi ini tiada pengurangan mangsa dari 37 keluarga yang ditempatkan di situ.

“Pusat pemindahan yang masih kekal ialah Dewan Orang Ramai Leban Condong 102 orang, Balai Raya Bangkung 40 orang, dan Sekolah Kebangsaan Aur 53 orang.

Di Melaka, Jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan semakin berkurangan kepada 608 orang pagi ini berbanding 695 malam tadi.

Keadaan cuaca seluruh negeri itu adalah cerah.

– Bernama